



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)

OPS SEDUT IWK BERSAMA KOMUNITI KUALA LIPIS GALAK PENGOSONGAN TANGKI SEPTIK SECARA BERJADUAL

LIPIS, 15 OGOS 2026 - Syarikat pembetungan nasional, Indah Water Konsortium (IWK) Sdn. Bhd., sebagai agensi di bawah Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) telah menganjurkan Program Ops Sedut IWK bersama komuniti Kuala Lipis, Pahang dalam usaha IWK memperkukuh kesedaran masyarakat mengenai kepentingan pengosongan tangki septik secara berjadual.

Program ini telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), Yang Berhormat Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamad. Turut hadir ialah wakil daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), agensi-agensi kerajaan, pemimpin masyarakat serta Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim Islam Al-Ihsan Daerah Lipis (PKAYIA).

Program ini telah mendapat sambutan menggalakkan dengan penyertaan kira-kira 200 orang penduduk setempat yang mengikuti pelbagai aktiviti termasuk demo dan taklimat kesedaran pengosongan tangki septik di Balai Raya Kampung Batu Nering. Selain itu, IWK turut menyampaikan sumbangan berupa katil asrama dan kerusi kepada Asrama Cemerlang Anak Yatim Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim Islam Al-Ihsan Daerah Lipis (PKAYIA). Sumbangan berupa katil asrama dan kerusi tersebut merupakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) IWK bagi meningkatkan keselesaan dan kesejahteraan penghuni asrama PKAYIA.

Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan pengosongan tangki septik secara berjadual, serta sebagai platform strategik untuk IWK mendekati komuniti dan berkongsi tanggungjawab dalam memelihara kebersihan serta kelestarian alam sekitar.

IWK mengenalpasti bahawa potensi pelaksanaan perkhidmatan pengosongan tangki septik di Kuala Lipis adalah melibatkan 539 akaun komersial dan 100 akaun domestik. Setiap tangki septik individu mempunyai kapasiti rawatan yang terhad dan perlu dikosongkan secara berjadual bagi memastikan ia terus berfungsi dengan baik. Kegagalan mengosongkan tangki septik secara berkala boleh menyebabkan tangki septik dipenuhi dengan enapcemar dan pepejal terampai yang boleh mengalir terus ke longkang dan seterusnya mencemarkan sungai, menjejaskan kesihatan awam serta alam sekitar.

Kegagalan mematuhi peraturan ini merupakan satu kesalahan di bawah subseksyen 65(3) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [Akta 655], dan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM50,000 jika disabitkan. Menerusi akta tersebut, IWK merupakan pemegang lesen yang dilantik untuk menjadualkan pengosongan tangki septik secara berkala.

Melalui penganjuran program ini, PETRA dan IWK berharap lebih ramai pemilik tangki septik individu, sama ada pelanggan domestik mahupun komersial, akan mengambil langkah proaktif untuk menjadualkan pengosongan tangki septik secara berkala. Tindakan ini bukan sahaja memastikan sistem pembetungan beroperasi dengan cekap, malah membantu memelihara alam sekitar serta menyokong usaha negara ke arah pengurusan alam sekitar yang mampan.

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR
15 Ogos 2026

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)
Tel.: 03-8000 8000 | E-Mel: ukk@petra.gov.my

